



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

7.10.2022

Kenyataan Media
oleh DATO' SERI IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

“MENGUBAH” EMPANGAN MENGKUANG YANG DIPERBESARKAN UNTUK MENGURANGKAN RISIKO AIR MENTAH PULAU PINANG

- **Empangan terbesar di Pulau Pinang akan diubah daripada “empangan rizab kemarau strategik” kepada “empangan harian”.**
- **2 saluran paip air mentah baharu untuk mempertingkatkan kapasiti pengeluaran maksimum daripada 300 juta liter sehari (JLH) kepada 1,000 JLH.**
- **Loji rawatan air 114 JLH baharu berhampiran empangan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 7.10.2022: Perancangan sedang dijalankan untuk mengubah Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai Tengah (SPT) daripada “empangan rizab kemarau strategik” kepada “empangan harian”.

Pada asasnya, ini bermakna air mentah yang disimpan di EMD akan tersedia untuk pengeluaran harian dan kecemasan, apabila paras air Sungai Muda rendah ketika musim kemarau atau apabila kualiti air Sungai Muda terjejas dan tidak boleh dirawat. Dengan perubahan ini, EMD akan berfungsi seperti Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di bahagian pulau.

1. Objektif utama adalah untuk mengurangkan risiko gangguan bekalan air tidak berjadual di seluruh negeri apabila kekeruhan tinggi air mentah dari Sungai Muda mengancam operasi air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.
2. Objektif kedua adalah untuk merawat air dari empangan terbesar Pulau Pinang, setiap hari, bagi menyokong pertambahan permintaan air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

PBAPP merancang untuk membuka potensi penuh EMD, empangan terbesar di Pulau Pinang, untuk mengurangkan risiko bekalan air dan menangani



permintaan air yang semakin bertambah.

Keperluan Kejuruteraan

Perubahan EMD kepada empangan harian untuk memenuhi 2 objektif utama ini memerlukan pengoperasian tepat pada masanya bagi 4 projek kejuruteraan bekalan air utama berikut:

| Projek | Tanggungjawab |
|---|------------------------------|
| 1. Fasa 2B Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP): Pemasangan saluran paip berdiameter 1.6m sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua. Saluran paip baharu ini akan menaik taraf kapasiti pelepasan air mentah daripada 300 juta liter sehari (JLH) kepada 600 JLH. | Kerajaan Persekutuan |
| 2. Pemasangan saluran paip air mentah tambahan dengan kapasiti 400 JLH untuk mempertingkatkan lagi kapasiti pelepasan kepada 1,000 JLH. | Kerajaan Negeri Pulau Pinang |
| 3. Fasa 2C MDEP: Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 JLH untuk membolehkan pengisian semula EMD yang pantas daripada sumber air mentah kedua: Sungai Muda. | Kerajaan Persekutuan |
| 4. Pembinaan LRA Empangan Mengkuang baharu 114 JLH berhampiran empangan. | PBAPP |

Mengurangkan Risiko Air Mentah (Sungai Muda)

Sumber air mentah utama Pulau Pinang adalah Sungai Muda. Dalam tempoh Julai hingga September 2022, PBAPP melaporkan 3 insiden kekeruhan air mentah yang tinggi dari Sungai Muda. Kemungkinan punca fenomena ini adalah 3 kejadian banjir kilat yang dilaporkan di Baling, Kedah, di bahagian hulu muka sauk PBAPP Lahar Tiang.

Pada Julai 2022, air yang sangat keruh dari Sungai Muda memaksa PBAPP menghenti tugas LRA Sungai Dua (LRA terbesar Pulau Pinang) menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual seluruh negeri selama 6 hari.

Untuk meminimumkan risiko berulang, PBAPP bercadang untuk menghentikan sementara abstraksi air mentah dari Sungai Muda apabila kejadian seperti itu berulang pada masa hadapan.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Bagaimanapun, LRA Sungai Dua mesti mempunyai akses berterusan kepada kira-kira 1,000 JLH air mentah dari Empangan Mengkuang bagi mengelak gangguan bekalan air seluruh negeri.

Oleh itu, PBAPP akan membangunkan kapasiti untuk melepaskan 1,000 JLH dari Empangan Mengkuang pada masa hadapan, apabila kualiti air mentah Sungai Muda terjejas.

Ketika ini, kapasiti pelepasan maksimum PBAPP ialah 300 JLH.

Dengan pengoperasian Fasa 2B MDEP oleh Kerajaan Persekutuan, kapasiti pelepasan maksimum akan ditingkatkan kepada 600 JLH. Dengan pengoperasian satu lagi set saluran paip 400 JLH yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kapasiti pelepasan maksimum akan mencecah 1,000 JLH.

Pemasangan saluran paip baharu ini harus disiapkan dengan pantas bagi menangani risiko air mentah Pulau Pinang, yang berkaitan dengan Sungai Muda.

Selain itu, Fasa 2C MDEP juga harus segera dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pengoperasian agar EMD dapat diisi semula dengan cepat ketika musim kemarau, untuk berfungsi secara optimum sebagai empangan harian.

Menyelesaikan Krisis Air di Seberang Perai Selatan (SPS)

Perancangan juga sedang dijalankan untuk membina LRA Empangan Mengkuang 114 JLH baharu di lokasi berdekatan EMD. LRA ini dijadualkan untuk pengoperasian menjelang Disember 2025.

Kawasan liputan LRA Empangan Mengkuang ialah Seberang Perai Utara (SPU) dan perbandaran Bukit Mertajam yang berdekatan. Apabila LRA ini beroperasi, PBAPP juga akan dapat "membebaskan" dan menyalur air terawat tambahan dari LRA Sungai Dua ke Seberang Perai Selatan (SPS).

PBAPP juga merancang untuk membina satu lagi LRA baharu 114 JLH berhampiran Sungai Kerian (di sempadan selatan Pulau Pinang dan Perak) bagi menangani keperluan air masyarakat SPS. LRA Sungai Kerian yang dicadangkan dijadualkan untuk pengoperasian pada Disember 2026.



Latar belakang EMD

Empangan Mengkuang “asal” telah dibuka pada tahun 1985. Kapasiti efektif maksimum asalnya ialah 22.3 bilion liter air mentah. Air mentah dipam dari Sungai Kulim melalui rumah pam Mak Sulong ketika musim hujan untuk pelepasan bekalan air ketika musim kemarau.

Dalam tempoh 2014 hingga 2020, empangan itu “ditutup” untuk membolehkan pembesaran di bawah Fasa 1 dan Fasa 2A Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP). Kedua-dua fasa MDEP ini telah dilaksanakan dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.


Pada 9.1.2021, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow merasmikan pembukaan EMD, selepas kapasiti efektif maksimumnya dinaikkan kepada 86.4 bilion liter.

Harap maklum bahawa Pulau Pinang masih menunggu pentauliahan Fasa 2B dan 2C MDEP oleh Kerajaan Persekutuan.

Penukaran EMD kepada empangan harian adalah sebahagian daripada Pelan Kontingensi Air Mentah (RWCP) 2030 PBAPP untuk memastikan sekuriti bekalan air untuk negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2030.

Terima kasih.


Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Email : Unit Komunikasi Korporat
syarifah@pba.com.my



Proposed location of the Mengkuang Dam WTP © PBAPP 2022



The Expanded Mengkuang Dam (EMD): Penang's largest dam © PBAPP 2022



Proposed location of the Mengkuang Dam WTP © PBAPP 2022